

## **TAHAP PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU BAHASA ARAB**

Muhammad Haron Husaini, Diyak Ulahman Mat Saad  
Mohd Izzuddin Mohd Pisol & Ahmad Shafiq Mat Razali.

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru bahasa Arab. Jumlah sampel kajian ini adalah seramai 427 orang responden guru di sekolah-sekolah menengah. Data kajian ini diperolehi menerusi kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak 28 item telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan penggunaan BBM dalam kalangan guru bahasa Arab berada pada tahap sederhana rendah dengan purata nilai min pada kadar 2.92. 71.2% daripada keseluruhan responden memilih buku kerja sebagai bahan bantu mengajar kegemaran mereka (min 3.99). Media sosial, surat khabar dan radio pula antara bahan bantu mengajar yang paling kurang diminati kerana hanya masing-masing memperoleh nilai min pada kadar 2.19 (12.9%), 2.08 (10.8%) dan 1.98 (7.3%). Kajian ini menyarankan agar penggunaan bahan bantu mengajar yang berbentuk teknologi atau gajet dipertingkatkan semasa proses pengajaran bahasa Arab berlangsung. Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab harus menggunakan semaksima mungkin bahan bantu mengajar yang lebih berbentuk terkini demi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan kreatif.

**Kata Kunci:** bahan bantu mengajar, pengajaran dan pembelajaran, bahasa Arab, teknologi dan kreatif

## **LEVEL OF TEACHING AIDS USAGE AMONG ARABIC LANGUAGE TEACHERS**

### **ABSTRACT**

*The purpose of this study is to identify the frequency level of teaching aids usage among Arabic language teachers. The total sample in this study consists of 427 respondents, which are teachers in secondary schools. This data is obtained through survey method that use questionnaire as its instrument. A total of 28 items were analysed using descriptive statistics. The finding shows that the frequency level of teaching aids usage among Arabic language teachers is moderately*

*low with average min value 2.92 (71.12%). Majority of all respondents choose workbook as their favourite teaching aid (min 3.99). Social media, newspapers and radio are among the least teaching aids used with min value 2.19 (12.9%), 2.08 (10.8%) and 1.98 (7.3%) respectively. This study suggests to increase the teaching aids usage in the form of technology and gadgets during the teaching process of Arabic Language Teaching and learning Arabic language should use latest teaching aids as much as possible to create an interesting and creative learning environment.*

**Keywords:** *teaching aids, teaching and learning, arabic language, technology and creative*

## **PENDAHULUAN**

Dalam era teknologi masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada penggunaan buku teks, kaedah pengajaran guru melalui penggunaan kapur tulis dan papan hitam sahaja, malah lebih daripada itu termasuklah penggunaan teknologi yang menyediakan pembelajaran secara interaktif bagi memupuk minat pelajar. Oleh yang demikian, melalui teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dari guru sahaja masih belum dapat menjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan tanpa melalui bahan bantu mengajar. Dalam mata pelajaran bahasa Arab khususnya, bahan bantu mengajar memainkan peranan penting ke arah memahami konsep dan isi kandungan pelajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat pelajar.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Mansor et. al. (2003), mendapati 62.5% daripada pelajar tidak minat mempelajari bahasa Arab. Oleh yang demikian, amalan pengajaran dan kesediaan guru bahasa Arab memainkan peranan penting agar membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan aktiviti pembelajaran yang baharu. Begitu juga pandangan daripada Rofishah Rashid (2005), masih terdapat guru pendidikan Islam dan bahasa Arab yang tidak memanfaatkan penggunaan ICT dalam PdP melainkan untuk tujuan menulis dan menyediakan kertas peperiksaan pada peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Sekiranya, guru tidak bersedia dari segi amalan pengajaran dan kesediaan dalam penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) akan menyebabkan kelemahan dalam pengajaran

bahasa Arab. Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman (2006) pula mendapati bahawa pengamalan teknik pengajaran berada pada tahap rendah; tahap penggunaan BBM juga berada pada rendah, tahap pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab berada pada tahap sederhana, dan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar yang didedahkan dengan BBM dengan kumpulan pelajar yang tidak didedahkan dengan BBM.

### KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Kerangka Konseptual Amalan Pengajaran dan Kesiediaan Guru Bahasa Arab Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan modifikasi daripada (Khatijah Endut (1997), Rofishah Rashid (2005), Mohd Faez Ilias (2013), Kamarul Azmi & Ab. Halim. (2013). Normazla Ahmad et. al. (2013), Maimun Aqsa Lubis (2013).

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti tahap kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan jenis.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Data kajian diperoleh menerusi kaedah tinjauan (survey) dengan persampelan rawak mudah yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Pengumpulan data dalam kajian ini berlaku sekitar 1hb Jun 2016 hingga 31hb Mei 2017. Di peringkat kajian rintis pula, sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, draf instrumen kajian telah disemak oleh 3 orang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab di 3 buah universiti tempatan. Responden dalam kajian rintis mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Sebanyak 28 item telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Kajian ini melibatkan seramai 427 orang guru bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah SMK, SABK dan SMKA yang meliputi 16 buah negeri di seluruh Malaysia. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan berdasarkan kepada pembahagian negeri. Bilangan responden bergantung kepada populasi guru bahasa Arab yang terdapat di negeri-negeri seperti di jadual berikut:

**Jadual 1: Responden Kajian**

Bil	Negeri	Bilangan Sebenar	Bilangan Responden
1	Johor	63	31
2	Kedah	59	35
3	Kelantan	100	36
4	Melaka	15	12
5	Negeri Sembilan	29	23
6	Pahang	50	45
7	Perak	68	35
8	Perlis	8	9
9	Pulau Pinang	25	15
10	Sabah	49	43

**75 | Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab**

11	Sarawak	8	8
12	Selangor	111	65
13	Terengganu	40	38
14	WP Kuala Lumpur	29	25
15	WP Labuan	3	3
16	WP Putrajaya	5	4
	<b>JUMLAH</b>	<b>662</b>	<b>427</b>

**DAPATAN KAJIAN**

Analisis taburan skor min secara terperinci bagi semua item dalam jadual berikut menunjukkan kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar mengikut jenis secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana rendah. Skor min bagi kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar berada di antara 1.89 hingga 3.99 dengan nilai min pada kadar 2.92.

**Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Mengikut Jenis**

Bil	Penyataan	TP	JJ	KK	K	SK	Min	SP	INT
CC1	Buku Kerja	1 0.2%	25 5.9%	97 22.7%	159 37.2%	145 34.0%	3.99	0.90	ST
CC2	Majalah	120 28.1%	162 37.9%	98 23.0%	36 8.4%	11 2.6%	2.19	1.02	SR
CC3	Surat Khabar	155 36.3%	136 31.9%	90 21.1%	38 8.9%	8 1.9%	2.08	1.04	SR
CC4	Radio	174 40.7%	121 28.3%	101 23.7%	27 6.3%	4 0.9%	1.98	0.99	R
CC5	Papan Gulung	93 21.8%	106 24.8%	144 33.7%	69 16.2%	15 3.5%	2.55	1.10	SR
CC6	Bahan Maujud	21 4.9%	87 20.4%	148 34.7%	132 30.9%	39 9.1%	3.19	1.02	ST
CC7	Gambar	20 4.7%	70 16.4%	149 34.9%	146 34.2%	42 9.8%	3.28	1.00	ST
CC8	Carta	24 5.6%	73 17.1%	160 37.5%	128 30.0%	42 9.8%	3.21	1.02	ST
CC9	Permainan	44 10.3%	113 26.5%	165 38.6%	84 19.7%	21 4.9%	2.82	1.02	SR

## 76 | Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab

CC1 0	Cakera Padat	95 22.2 %	125 29.0 %	123 28.8%	71 16.6%	14 3.3 %	2.50	1.10	SR
CC1 1	Lcd Projector	58 13.6 %	110 25.8 %	125 29.3%	83 19.4%	51 11.9 %	2.90	1.21	SR
CC1 2	Video/Tele visyen	125 29.3 %	116 27.2 %	104 24.4%	61 14.3%	21 4.9 %	2.39	1.18	SR
CC1 3	Komputer	60 14.1 %	88 20.6 %	128 30.0%	96 22.5%	55 12.9 %	2.99	1.22	SR
CC1 4	Perisian Bahasa Arab	85 19.9 %	112 26.2 %	128 30.0%	77 18.0%	25 5.9 %	2.64	1.15	SR
CC1 5	Media Sosial Cth: Facebook	151 35.4 %	107 25.1 %	114 26.7%	47 11.0%	8 1.9 %	2.19	1.09	SR
CC1 6	Kad Imbasan	49 11.5 %	114 26.7 %	131 30.7%	106 24.8%	27 6.3 %	2.88	1.10	SR
CC1 7	Makmal/Bilik Bahasa	91 21.3 %	94 22.0 %	126 29.5%	79 18.5%	37 8.7 %	2.71	1.23	SR
CC1 8	Kad Manila	22 5.2 %	117 27.4 %	166 38.9%	85 19.9%	37 8.7 %	2.99	1.01	SR
CC1 9	Laman Sesawang	102 23.9 %	121 28.3 %	126 29.5%	60 14.1%	18 4.2 %	2.46	1.12	SR
CC2 0	Kertas Mahjung	27 6.3 %	86 20.1 %	153 35.8%	111 26.0%	50 11.7 %	3.17	1.07	ST
CC2 1	Lembaran Kerja	11 2.6 %	49 11.5 %	127 29.7%	134 31.4%	106 24.8 %	3.64	1.05	ST
CC2 2	Kad Carta	42 9.8 %	92 21.5 %	146 34.2%	103 24.1%	44 10.3 %	3.04	1.12	ST
CC2 3	Nota Edaran	5 1.2 %	47 11.0 %	108 25.3%	151 35.4%	116 27.2 %	3.76	1.00	ST
CC2 4	Kamus	7 1.6 %	60 14.1 %	109 25.5%	118 27.6%	133 31.1 %	3.73	1.09	ST
CC2 5	Telefon Pintar	150 35.1 %	82 19.2 %	111 26.0%	53 12.4%	31 7.3 %	2.37	1.27	SR
CC2	Alat	115 %	109 %	112	63	28	2.48	1.21	SR

## 77 | Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab

6	Perakam Suara (MP3 Dan Speaker)	26.9 %	25.5 %	26.2%	14.8%	6.6 %			
CC2	Pen Marker	10	43	106	124	144	3.82	1.08	ST
7	Pelbagai Warna	2.3 %	10.1 %	24.8%	29.0%	33.7 %			
CC2	Kertas A4	4	40	115	119	149	3.86	1.03	ST
8		0.9 %	9.4 %	26.9%	27.9%	34.9 %			
	Min Keseluruhan Kekerapan Penggunaan BBM						2.92	0.67	SR

### Skor Min Tahap Sederhana Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min tertinggi berada pada tahap sederhana tinggi berdasarkan item CC1 “buku kerja” menunjukkan seramai 304 orang responden (71.2%) menggunakan bahan bantu mengajar tersebut. Seterusnya item CC28 “kertas A4” menunjukkan bahawa seramai 268 orang responden (62.8%) memilihnya di dalam pengajaran. Begitu juga dengan item CC27 “pen maker pelbagai warna” menunjukkan seramai 268 orang (62.7%) kerap menggunakannya sebagai bantuan mereka. Seterusnya item CC23 “nota edaran” menunjukkan seramai 267 orang responden (62.6%) didapati bahawa guru gemar mengedarkan nota. Selain itu, item CC24 “kamus” menunjukkan seramai 251 orang responden (58.7%) menggunakan bahan bantu mengajar tersebut. Seterusnya item CC21 “lembaran kerja” menunjukkan seramai 240 orang responden (56.2%) menjadi pilihan pengajar dalam pengajaran.

Berikutnya, item CC7 “gambar” menunjukkan seramai 188 orang responden (44%) kerap menggunakan bahan tersebut. Manakala item CC8 “carta” menunjukkan seramai 170 orang responden (39.8%) memilihnya. Seterusnya item CC6 “bahan maujud” menunjukkan seramai 105 orang responden (24.6%) menggunakan bahan tersebut semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga item CC22 “kad carta” menunjukkan seramai 147 orang responden (34.4%) menjadikan item ini sebagai pilihan mereka. Selain itu, item CC20 “kertas mahjung” menunjukkan seramai 161 orang responden (37.7%) menjadikannya sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas.

### Skor Min Tahap Sederhana Rendah

Nilai min pada tahap sederhana rendah pula pada item CC13 “komputer” dengan memperolehi 151 orang (35.4%) dilihat menggunakan alat tersebut sebagai bahan bantu mengajar. Begitu juga dengan item CC18 “kad manila” menunjukkan seramai 122 orang (28.6%) menggunakannya dalam sesi pengajaran. Item CC11 “LCD projektor” mendapati seramai 134 orang (31.3%) menggunakan pancaran projektor di dalam kelas. Item CC16 “kad imbasan” mendapati seramai 133 orang (31.1%) didapati menggunakan bahan tersebut kepada para pelajar. Manakala item CC9 “permainan” menunjukkan seramai 105 orang (24.6%) menggunakan cara tersebut. Begitu juga dengan item CC17 “makmal/bilik bahasa” menunjukkan bahawa seramai 116 orang (27.2%) yang menjadikan bilik bahasa sebagai kelas. Item CC14 “perisian Bahasa Arab” mendapati 102 orang (23.9%) yang menjadikan bahan tersebut sebagai satu wasilah pengajaran. Diikuti oleh item CC10 “cakera padat” menunjukkan seramai 441 orang (19.9%) menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar. Item CC5 “papan gulung” menunjukkan seramai 84 orang (19.7%) menggunakannya sebagai kemudahan di dalam pengajaran mereka. Item CC26 “alat perakam suara (MP3 dan speaker) didapati hanya 91 orang (21.4%) sahaja menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar. Untuk item CC19 “laman sesawang” mendapati hanya 78 orang (18.3%) sahaja yang menjadikan item pilihan mereka di dalam kelas. Begitu juga item CC12 “video/televisyen” menunjukkan seramai 82 orang (19.1%) yang menjadikannya sebagai satu pilihan kepada pengajar. Item CC25 “ telefon pintar” menunjukkan hanya 84 orang (19.7%) sahaja menjadikan alat tersebut sebagai bahan bantu mengajar. Manakala item CC2 “majalah” menunjukkan hanya 47 orang (11%) sahaja yang menggunakannya. Begitu juga bagi item CC15 “media sosial” didapati hanya 55 orang (12.9%) sahaja yang cuba menjadikannya sebagai bahan bantu mengajar. Item CC3 “surat khabar” menunjukkan hanya 46 orang (10.8%) sahaja menggunakannya dalam membantu mereka untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Skor Min Tahap Rendah**

Bagi nilai min pada tahap rendah ialah pada item CC4 “radio”. Dapatan kajian menunjukkan hanya 31 orang (7.3%) menjadikannya sebagai bahan bantu mengajar. Jadual 3.4 di atas menunjukkan item CC13 “komputer” memperolehi min 2.99, item CC18 “kad manila” memperolehi min 2.99, item CC11 “LCD projektor” memperolehi min



2.90, item CC16 “kad imbasan” memperoleh min 2.88, item CC9 “permainan” memperoleh min 2.82, item CC17 “makmal/bilik bahasa” memperoleh min 2.71, item CC14 “perisian Bahasa Arab” memperoleh min 2.64, item CC10 “cakera padat” memperoleh min 2.49, item CC5 “papan gulung” memperoleh min 2.55, item CC26 “alat perakam suara (MP3 dan speaker)” memperoleh min 2.48, item CC19 “laman sesawang” memperoleh min 2.46, item CC12 “video/televisyen” memperoleh min 2.38, item CC25 “telefon pintar” memperoleh min 2.37, item CC2 “majalah” memperoleh min 2.19, item CC15 “media sosial” memperoleh min 2.19, item CC3 “surat khabar” memperoleh min 2.08. Dapatkan ini menunjukkan kesemua item berada pada min sederhana rendah.

Item yang memperoleh min yang berada pada tahap paling rendah ialah item CC4 “radio” memperoleh min 1.98. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan guru kurang menggunakan alat yang berbentuk teknologi atau gajet dalam proses pengajaran bahasa Arab. Hakikatnya, PdP bahasa Arab harus menggunakan semaksima mungkin bahan-bahan bantu mengajar yang lebih berbentuk terkini demi mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan kreatif.

### **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min tertinggi berada pada tahap sederhana tinggi berdasarkan item CC1 “buku kerja” menunjukkan seramai 304 orang responden (71.2%) menggunakan bahan bantu mengajar tersebut. Seterusnya item CC28 “kertas A4” menunjukkan bahawa seramai 268 orang responden (62.8%) memilihnya di dalam pengajaran. Begitu juga dengan item CC27 “pen maker pelbagai warna” menunjukkan seramai 268 orang (62.7%) kerap menggunakannya sebagai bantuan mereka. Seterusnya item CC23 “nota edaran” menunjukkan seramai 267 orang responden (62.6%) didapati bahawa guru gemar mengedarkan nota. Selain itu, item CC24 “kamus” menunjukkan seramai 251 orang responden (58.7%) menggunakan bahan bantu mengajar tersebut. Seterusnya item CC21 “lembaran kerja” menunjukkan seramai 240 orang responden (56.2%) menjadi pilihan pengajar dalam pengajaran. Penggunaan buku kerja, nota edaran dan kamus adalah selari dengan dapatan Maimun Aqsha Lubis et.al 2014 dalam kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar di sekolah.

Berikutnya, item CC7 “gambar” menunjukkan seramai 188 orang responden (44%) kerap menggunakan bahan tersebut. Manakala item CC8 “carta” menunjukkan seramai 170 orang responden (39.8%) memilihnya. Dapatan ini tidak selari dengan Fadzli bin Dahalan et.al 2012 yang mana dapatan kajiannya adalah pada tahap sederhana rendah. Seterusnya item CC6 “bahan maujud” menunjukkan seramai 105 orang responden (24.6%) menggunakan bahan tersebut semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini tidak selari dengan Abdul Rahim Hamdan et.al 2010 yang menyatakan tahap penggunaannya adalah sederhana tinggi. Begitu juga item CC22 “kad carta” menunjukkan seramai 147 orang responden (34.4%) menjadikan item ini sebagai pilihan mereka. Selain itu, item CC20 “kertas mahjung” menunjukkan seramai 161 orang responden (37.7%) menjadikannya sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas.

Manakala nilai min pada tahap sederhana rendah pula pada item CC13 “komputer” dengan memperoleh 151 orang (35.4%) dilihat menggunakan alat tersebut sebagai bahan bantu mengajar. Perolehan ini didapati selari dengan dapatan Zaidi Ismail 2006. Item CC18 “kad manila” menunjukkan seramai 122 orang (28.6%) menggunakannya dalam sesi pengajaran.

Item CC11 “LCD projektor” mendapati seramai 134 orang (31.3%) menggunakan pancaran projektor di dalam kelas. Tahap penggunaan “LCD projektor” adalah selari dengan dapatan Mohd Faez Ilias (2013) yang disebabkan daripada kekangan faktor bebanan tugas guru dan kekurangan kemudahan di sekolah. Item CC16 “kad imbasan” mendapati seramai 133 orang (31.1%) didapati menggunakan bahan tersebut kepada para pelajar. Manakala item CC9 “permainan” menunjukkan seramai 105 orang (24.6%) menggunakan cara tersebut.

Item CC17 “makmal/bilik bahasa” menunjukkan bahawa seramai 116 orang (27.2%) yang menjadikan bilik bahasa sebagai kelas. Dapatan ini tidak selari dengan Maimun Aqsha Lubis et.al. 2014 yang menyatakan tahap penggunaan makmal/bilik bahasa adalah rendah. Item CC14 “perisian Bahasa Arab” mendapati 102 orang (23.9%) yang menjadikan bahan tersebut sebagai satu wasilah pengajaran. Diikuti oleh item CC10 “cakera padat” menunjukkan seramai 441 orang (19.9%) menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar. Item CC5 “papan gulung” menunjukkan seramai 84 orang (19.7%)

menggunakannya sebagai kemudahan di dalam pengajaran mereka. Item CC26 “alat perakam suara (MP3 dan speaker) didapati hanya 91 orang (21.4%) sahaja menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar. Untuk item CC19 “laman sesawang” mendapati hanya 78 orang (18.3%) sahaja yang menjadikan item pilihan mereka di dalam kelas. Begitu juga item CC12 “video/televisyen” menunjukkan seramai 82 orang (19.1%) yang menjadikannya sebagai satu pilihan kepada pengajar. Dapatan ini menunjukkan hasil yang tidak selari dengan dapatan kajian Maimun Aqsha Lubis et.al 2013 yang mana kajiannya menyatakan dapatan paling rendah dalam penggunaan video/televisyen sebagai bahan bantu mengajar.

Item CC25 “ telefon pintar” menunjukkan hanya 84 orang (19.7%) sahaja menjadikan alat tersebut sebagai bahan bantu mengajar. Manakala item CC2 “majalah” menunjukkan hanya 47 orang (11%) sahaja yang menggunakannya. Begitu juga bagi item CC15 “media sosial” didapati hanya 55 orang (12.9%) sahaja yang cuba menjadikannya sebagai bahan bantu mengajar. Item CC3 “surat khabar” menunjukkan hanya 46 orang (10.8%) sahaja menggunakannya dalam membantu mereka untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi nilai min pada tahap rendah ialah CC4 “radio” mendapati hanya 31 orang (7.3%) menjadikannya sebagai bahan bantu mengajar. Jadual 3.4 di atas menunjukkan item CC13 “komputer” memperoleh min 2.99, item CC18 “kad manila” memperoleh min 2.99, item CC11 “LCD projektor” memperoleh min 2.90, item CC16 “kad imbasan” memperoleh min 2.88, item CC9 “permainan” memperoleh min 2.82, item CC17 “makmal/bilik bahasa” memperoleh min 2.71, item CC14 “perisian Bahasa Arab” memperoleh min 2.64, item CC10 “cakera padat” memperoleh min 2.49, item CC5 “papan gulung” memperoleh min 2.55, item CC26 “alat perakam suara (MP3 dan speaker)” memperoleh min 2.48, item CC19 “laman sesawang memperoleh min 2.46, item CC12 “video/televisyen” memperoleh min 2.38, item CC25 “telefon pintar” memperoleh min 2.37, item CC2 “majalah” memperoleh min 2.19, item CC15 “media sosial” memperoleh min 2.19, item CC3 “surat khabar” memperoleh min 2.08 . Dapatan ini menunjukkan kesemua item berada pada min sederhana rendah. Manakala item yang memperoleh min yang berada pada tahap rendah ialah item CC4 “radio” memperoleh min 1.98.

## KESIMPULAN

Kaedah pengajaran dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) perlu dipertingkatkan supaya dapat meningkatkan tahap keberkesanan dan menarik perhatian serta minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Kepelbagaian kaedah dan konsep dalam pembelajaran lebih cenderung pelajar menjadi lebih fokus terhadap pembelajaran yang diajarkan. Justeru itu, guru-guru bahasa arab perlu lebih kreatif ketika proses PdP dijalankan bagi memantapkan lagi kemahiran dan penguasaan murid terhadap pembelajaran bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Atan Long. 1992. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Amiza Publishing Sdn Bhd: Petaling Jaya.
- Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Siarap & Hasrina Mustafa. 2006. *Penggunaan Komputer dalam Pengajaran & Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes di Pulau Pinang* dalam Shakila Abdul Manan (et. al, 2006). Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies. Pulau Pinang: USMPress.
- Ahmad, J. (2009). *Teaching of Biological Sciences*. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Rofishah Rashid. 2005. *Penggunaan ICT di Kalangan Guru Bahasa Arab Komunikasi: Kajian di sekolah Menengah dan Rendah di Zon Selatan Selangor*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faez Ilias. 2013. *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Negeri Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2008. *Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar dan Hubungannya dengan pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab*. Jurnal Teknologi: , 49(E) Dis. 2008: 141–154. UTM.
- Normazla Ahmad Mahir, Haliza Harun & Arnida Abu Bakar. 2013. *Using Fun Learning Approach To Enhance Arabic Language Acquisition Among Year 1 And 2 Pupils In Selected Primary Schools*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Azlan bin Ahmad Zanzali & Nurdalina binti Daud. *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matapelajaran Matematik Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.

- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Attan (2007). *Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Jurnal Teknologi. Skudai: UTM.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2013. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor Bharu.
- Khatijah Endut. 1997. *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah dan Rendah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib. 1995. *Persepsi Guru terhadap Kursus Orientasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan*. 20: 25-38.
- Saemah Rahman & Siti Fatimah Mohd Yassin (2008). *Kemahiran Mengakses Dan Mempelajari Bahan Hiperteks Dalam Kalangan Guru Pelatih*. *Jurnal Pendidikan* 33 (2008) 81-94. Malaysian Journal of Education: Faculty of education, UKM.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 2010 53-64.
- Tang Keow Ngang & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2006. *Kesediaan dan Keberkesanan Penggunaan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi di Sebuah Sekolah Menengah*. *Jurnal pendidikan (Journal of Educational Research)*. Kuala Lumpur: UM

*Dr. Muhammad Haron Husaini, Pensyarah Kanan,  
Diyak Ulahman Mat Saad, Pensyarah,  
Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Pensyarah &  
Ahmad Shafiq Mat Razali, Pensyarah.  
Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Bangi, Kajang, Selangor, Malaysia  
E-mail: [muhdharon@kuis.edu.my](mailto:muhdharon@kuis.edu.my)  
E-mail: [diyakulahman@kuis.edu.my](mailto:diyakulahman@kuis.edu.my)  
E-mail: [muhdizzuddin@kuis.edu.my](mailto:muhdizzuddin@kuis.edu.my)  
E-mail: [ahmadshafiq@kuis.edu.my](mailto:ahmadshafiq@kuis.edu.my)*